



**BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), UiTM dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **Kontrak** di Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), UiTM Shah Alam.

**JAWATAN PENTADBIRAN**

BIL.	JAWATAN	GREED	STATUS JAWATAN	SKIM PERKHIDMATAN	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
<b>KUMPULAN PELAKSANA</b>						
1.	PENOLONG PEREKA GRAFIK	B29	Kontrak	Pereka	RM 1,499.00	RM 5,679.00
2.	PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAN	E29	Kontrak	Penolong Pegawai Perangkaan	RM 1,493.00	RM 5,672.00
3.	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	FA29	Kontrak	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	RM 1,549.00	RM 5,684.00
4.	PEGAWAI EKSEKUTIF	N29	Kontrak	Penolong Pegawai Tadbir	RM 1,493.00	RM 5,672.00

**SYARAT LANTIKAN**

Syarat-syarat kelayakan bagi pelantikan ke jawatan berkenaan adalah seperti berikut:

**1. PENOLONG PEREKA GRAFIK (B29)**

1. Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00); atau

- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00); atau

- (iii) Diploma dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,777.78); atau

#### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI**

- 3. Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

#### **DESKRIPSI TUGAS**

- 4. Bertanggungjawab menyediakan reka bentuk dan *lay-out* grafik, bahan-bahan pameran, fotografi, percetakan dan termasuk pengurusan bahan serta peralatan yang berkaitan.

## **2. PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAAN (E29)**

- 1. Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta lulus Prinsipal dalam subjek Ekonomi atau Matematik.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E29: RM1,493.00); atau

- (ii) Diploma dalam bidang statistik, matematik atau sains aktuari yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E29: RM1,770.95); atau

#### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

3. Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menyediakan data analitik sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

### DESKRIPSI TUGAS

4. Bertanggungjawab memantau pelaksanaan program aktiviti pengumpulan, pemprosesan dan penyebaran data serta membantu penganalisan data dalam bidang ekonomi makro, perdagangan, kependudukan, demografi, tenaga manusia dan alam sekitar untuk perancangan pembangunan universiti dan negara.

### 3. PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (FA29)

1. Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
  - (i) Sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,549.00); atau

- (ii) Sijil dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,549.00); atau

- (iii) Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,855.00); atau

- (iv) Diploma dalam kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1929.89); atau

### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

3. Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan. Keutamaan diberikan kepada calon yang berpengalaman dalam pembangunan aplikasi web dan aplikasi mobil menggunakan bahasa pengaturcaraan JAVA, aplikasi web berasaskan kerangka (*web development framework*)

seperti *PHP : Laravel, Yii* dan sebagainya serta kerangka *frontend (frontend framework)* seperti *Bootstrap, jQuery UI* atau *NodeJS* atau *ColdFusion (CFM)* dan pengurusan pangkalan data Oracle.

#### DESKRIPSI TUGAS

4. Bertanggungjawab membangun program baharu untuk sesuatu sistem gunaan komputer, memperkembang sistem komputer sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, penyelenggaraan sistem dan memberi latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna.

#### 4. PEGAWAI EKSEKUTIF (N29)

1. Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau

- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau

- (iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95); atau

#### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### DESKRIPSI TUGAS

3. Bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja yang berkaitan pengurusan kewangan, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan, perkhidmatan personel, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan majlis rasmi, mengendalikan urusan konsuler dan Penguatkuasaan Undang-Undang.

## PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- a. Hanya permohonan yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.
- b. Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan dengan salinan sijil-sijil yang telah **DISAHKAN benar** mengikut susunan seperti berikut:-
  - i) Salinan Kad Pengenalan;
  - ii) Salinan Sijil Kelahiran;
  - iii) Salinan Sijil Berhenti Sekolah;
  - iv) Salinan Sijil SPM, Sijil Politeknik, STPM atau setaraf;
  - v) Salinan Sijil Diploma;
- c. Pemohon hendaklah menulis jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat borang permohonan.
- d. Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **dua (2) bulan** dari tarikh tutup iklan jawatan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.

## PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA yang boleh dimuat turun di laman sesawang Bahagian Hal Ehwal Akademik <https://hea.uitm.edu.my>

Tarikh tutup permohonan ialah pada **15 September 2019 (Ahad)**.

Sila kemukakan permohonan kepada :

**PENOLONG PENDAFTAR (PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA)  
BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK (BHEA)  
ARAS 4, CANSELERI TUANKU SYED SIRAJUDDIN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR**

NO.TEL : (03) 5544 3503/3507